



JABATAN PERDANA MENTERI
PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN
KERAJAAN MALAYSIA

Edisi 1/2025

BULETIN ILKEM

FOKUS

MAJLIS AMANAT YBHG. DATUK KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN

“dua sistem baharu akan diperkenalkan, iaitu Sistem e-Vetting 3.0 dan Sistem e-Protective Security (EPS)...”

PENGENDALIAN T-BATON: KEPENTINGAN DAN TEKNIK ASAS

KESELAMATAN DALAM PENTADBIRAN KERAJAAN

“keselamatan dalam pentadbiran kerajaan adalah keutamaan dan tidak boleh dikompromi.”



Isi Kandungan

EKSKLUSIF - 08

KESELAMATAN DALAM
PENTADBIRAN KERAJAAN



AKTIVITI - 30

KURSUS KESEDARAN AWAM
(ASAS KAWALAN KEBAKARAN)
SIRI 1/2025 (AKP)



AKTIVITI - 35

KURSUS ASAS PENGENDALIAN
T - BATON



AKTIVITI DI ILKEM

04 PERUTUSAN KETUA PENGARAH
KESELAMATAN KERAJAAN

06 PERUTUSAN PENGARAH
INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN
PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)

FOKUS

11 SURAT PEKELILING AM BILANGAN 1
TAHUN 2025, GARIS PANDUAN
PENGURUSAN KESINAMBUNGAN
PERKHIDMATAN (BCM) DALAM
PERKHIDMATAN AWAM

13 MAJLIS AMANAT YBHG. DATUK KETUA
PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN

22 RINGKASAN KURSUS

24 KURSUS KAWALAN DOKUMEN RASMI DAN
DOKUMEN RAHSIA RASMI BAGI PENDAFTAR
RAHSIA, PEMBANTU KHAS DAN
KESETIAUSAHAAN PEJABAT SIRI 1/2025
(PKKP)

28 KURSUS ASAS KOMUNIKASI BERKESAN
(WALKIE TALKIE) SIRI 1/2025 (AKP)

32 KURSUS PENGENALAN PENGURUSAN
KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN (BCM)
SIRI 1/2025 (PKKP)

33 KURSUS PENGURUSAN KESELAMATAN
SASARAN PENTING DAN KAWASAN
LARANGAN TEMPAT LARANGAN BAGI
PENGHUNI DAN PEMILIK SIRI 1/2025 (PKKP)

ARTIKEL CGSO

16 EVOLUSI ANCAMAN DAN
KESELAMATAN SIBER: DAHULU DAN
KINI

19 MEMBUDAYAKAN KESELAMATAN
PERLINDUNGAN

BERITA PERKHIDMATAN

37 PEGAWAI INSTITUT LATIHAN
KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA

NUKILAN

39 PERJALANAN SEORANG PEMUDA

AKTIVITI - 25

BENGKEL TRAINING OF
TRAINERS KESELAMATAN
FIZIKAL SIRI 1/2025
(AKP)



SIDANG REDAKSI



YBhg. Datuk Mas Rizal bin Mohd Hilmi

Penaung



YBrs. Tuan Haji Mohd Najib bin Surip

Penasihat



YBrs. Encik Roselan bin Mohamed

Ketua Pengarang



Puan Nur Azhani binti Yunos

Ahli Jawatankuasa



Encik Ahmad Shaharuddin bin Muhammad

Ahli Jawatankuasa



Encik Mohd Saiful Hisham bin Md Salleh

Ahli Jawatankuasa



Encik Ruszani bin Abdul Karim

Ahli Jawatankuasa



Tuan Haji Foudzli bin Abdullah

Ahli Jawatankuasa



Encik Mohd Radzi bin Jamalludin

Ahli Jawatankuasa



Puan Salmah binti Shahidan

Ahli Jawatankuasa



Tuan Haji Azali bin Bachok

Ahli Jawatankuasa



Encik Mohd Faizul bin Mohd Nor

Ahli Jawatankuasa



Encik Ag. Mohd Ismail bin A. M. Nordin

Ahli Jawatankuasa



Puan Nurul Haswani binti Saiman

Ahli Jawatankuasa



Encik Mohd Azhar bin Yusoff

Pegawai Penyelaras



Encik Muhamad Amirul Hafiz bin Abdul Halim

Pegawai Penyelaras



Encik Mohd Raziz bin Minhat

Pereka Grafik



PERUTUSAN

KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
dan Salam Sejahtera*

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, bersyukur kita ke hadrat Allah kerana dengan izin dan inayah-Nya, Buletin Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) Edisi Pertama bagi tahun 2025 berjaya diterbitkan.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pasukan penerbitan Buletin ILKEM atas iltizam dan komitmen yang padu dalam merealisasikan naskah ilmu, yang menjadi wadah penting dalam perkongsian pengetahuan kepada penjawat awam. Semoga penerbitan Buletin ILKEM terus berkembang dengan idea-idea yang segar dan bernas.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada para penulis artikel yang menyumbangkan karya mereka, berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam bidang kepakaran masing-masing. Warga CGSO mempunyai pelbagai kepakaran dalam aspek Keselamatan Perlindungan, sama ada Keselamatan Dokumen, Keselamatan Fizikal, Keselamatan Personel dan Keselamatan Rahsia Rasmi Dalam Persekitaran ICT. Saya berharap artikel-artikel yang diterbitkan ini dapat memberi manfaat dan nilai tambah kepada Buletin ini.

Buletin ILKEM yang menyentuh pelbagai aspek Keselamatan Perlindungan merupakan platform penting bagi penjawat awam untuk memperolehi maklumat dan pemahaman lebih mendalam mengenai peranan dan fungsi CGSO. Semoga Buletin ini terus menjadi sumber rujukan yang berkualiti dalam meningkatkan pengetahuan serta mutu kerja penjawat awam.

Saya berharap agar CGSO terus menjadi agensi yang memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan tidak ketinggalan dalam menghadapi cabaran perubahan yang semakin kompleks ini. Saya yakin dengan pelaksanaan sistem e-protective security (ePs) dan e-vetting 3.0 pada tahun ini akan melancarkan lagi penyampaian perkhidmatan CGSO. Kedua-dua sistem ini menggunakan pelbagai langkah keselamatan siber termasuk penyulitan pangkalan data, penandaan keselamatan dan pengurusan kunci penyulitan simetri dan asimetrik. Sistem e-protective security (ePs) dan e-vetting 3.0 mewakili inisiatif CGSO dalam menyokong usaha Kerajaan untuk mendigitalkan negara.

Pendigitalan sistem pengurusan Keselamatan Perlindungan melalui ePs adalah untuk mewujudkan repositori pusat untuk maklumat keselamatan, meningkatkan pendekatan sistematik dan memperkemaskan langkah keselamatan perlindungan. ePs merangkumi pelbagai fungsi seperti pengurusan keselamatan, pematuhan perlindungan, keselamatan ICT dan pengurusan maklumat terperingkat dan pentadbiran latihan holistik.

Anugerah Penarafan Bintang Sasaran Penting (APBSP) juga akan dilaksanakan pada tahun ini. APBSP menyediakan ruang dan peluang yang baik kepada instalasi Sasaran Penting untuk menilai dan mengukur prestasi pengurusan keselamatan supaya sentiasa berada pada tahap yang cemerlang. Anugerah yang dilaksanakan secara dwitahunan ini melibatkan penilaian penarafan bintang terhadap 20 instalasi Sasaran Penting (10 Sasaran Penting Keutamaan 1 dan 10 Sasaran Penting Keutamaan 2) melibatkan 7 sektor utama.

CGSO komited untuk menyediakan penyampaian perkhidmatan yang terbaik dan berusaha untuk menghasilkan sistem yang boleh menangani isu-isu yang dihadapi oleh penjawat awam dan pekerja sektor swasta.

Akhir kata, saya ingin merakamkan sekali lagi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan Buletin ILKEM ini. Semoga penerbitan Buletin ILKEM ini dapat memberikan manfaat kepada semua.

Sekian, terima kasih.

YBhg. Datuk Mas Rizal bin Mohd Hilmi
Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (CGSO)



PERUTUSAN

PENGARAH INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA

(ILKEM)

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
dan Salam Sejahtera*

Menginjak ke tahun baharu 2025, saya ingin mengucapkan selamat tahun baharu kepada seluruh warga Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM). Tahun ini menandakan lembaran baharu dalam usaha kita untuk terus memperkukuh peranan ILKEM sebagai pusat latihan utama dalam bidang keselamatan perlindungan.

Tahun 2024 telah menyaksikan pelbagai pencapaian membanggakan hasil kerja keras dan dedikasi semua pihak. Kita telah berjaya melaksanakan program latihan yang komprehensif, menambah baik modul sedia ada, serta memperkukuh kemudahan latihan bagi memastikan para peserta mendapat ilmu dan kemahiran yang relevan dengan keperluan semasa. Namun, kejayaan ini bukan titik akhir, sebaliknya ia menjadi pemangkin untuk kita terus maju dengan lebih cemerlang pada tahun ini.

Pada tahun ini, kita akan terus memberi fokus kepada inovasi dalam latihan, memperkenalkan pendekatan pembelajaran yang lebih dinamik serta memperluaskan jalinan kerjasama dengan pihak berkepentingan bagi meningkatkan lagi keberkesanan program yang ditawarkan. Saya yakin dengan komitmen serta semangat berpasukan, kita mampu mencapai lebih banyak kejayaan dan menjadikan ILKEM sebagai institusi latihan yang unggul dan dihormati.

Dalam menghadapi cabaran masa hadapan, saya menyeru semua warga ILKEM agar terus berpegang teguh kepada nilai-nilai integriti, profesionalisme, dan kecemerlangan. Dengan semangat yang tinggi dan usaha yang berterusan, kita akan mampu mencipta kejayaan yang lebih gemilang untuk ILKEM dan negara.

Akhir kata, marilah kita bersama-sama melangkah maju dengan tekad dan iltizam yang lebih kukuh. Semoga tahun 2025 menjadi tahun yang penuh dengan kejayaan dan kemajuan bagi kita semua.

Sekian, terima kasih.

YBrs. Tuan Roselan bin Mohamed
Pengarah
Institut Latihan Keselamatan
Perlindungan Malaysia (ILKEM)



EKSKLUSIF



“keselamatan dalam pentadbiran kerajaan adalah keutamaan dan tidak boleh dikompromi.”

YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara

RAHSIAKAN RAHSIA KERAJAAN



KESELAMATAN DALAM PENTADBIRAN KERAJAAN

Pada 17 Februari 2025, YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara, telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Jabatan-Jabatan Kerajaan (JKJK) Bilangan 1 Tahun 2025 yang berlangsung di Dewan Persidangan ICU, JPM. Turut hadir di dalam mesyuarat ini ialah YBhg. Tan Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, YBhg. Datuk Mas Rizal bin Mohd Hilmi, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan merangkap Setiausaha Mesyuarat, YBhg. Dato' Sri Ayob Khan bin Mydin Pitchay, Timbalan Ketua Polis Negara dan ahli-ahli tetap Jawatankuasa Keselamatan Jabatan-Jabatan Kerajaan.

Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Jabatan-Jabatan Kerajaan (JKJK) Bilangan 1 Tahun 2025, YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara, menegaskan bahawa keselamatan dalam pentadbiran kerajaan adalah keutamaan dan tidak boleh dikompromi. Beliau turut menyatakan bahawa dalam era digital hari ini, satu klik sahaja boleh membawa impak besar, sekali gus menekankan kepentingan langkah keselamatan yang ketat dalam pentadbiran kerajaan.



YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara memberi peringatan kepada semua agensi kerajaan agar sentiasa berwaspada terhadap ancaman siber, kebocoran maklumat, dan kelemahan keselamatan sistem. Beliau juga menekankan bahawa pemantauan dan pematuan terhadap standard keselamatan perlindungan harus dipertingkatkan bagi memastikan keselamatan data serta maklumat kerajaan sentiasa terjaga.



Sebagai langkah proaktif, CGSO akan melaksanakan Inspektorat Pematuan Keselamatan Perlindungan secara berkala untuk menilai tahap keselamatan di semua agensi kerajaan. Kesedaran dan disiplin dalam aspek keselamatan perlindungan amat penting bagi memastikan kestabilan pentadbiran dan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan terus terpelihara.



FOKUS



"Reformasi: Satu Kemestian"

YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar,
Ketua Setiausaha Negara (KSN)

RAHSIAKAN RAHSIA KERAJAAN



SURAT PEKELILING AM BILANGAN 1 TAHUN 2025, GARIS PANDUAN PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN (BCM) DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Pada 20 Januari 2025, buat julung kalinya, Majlis Amanat YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara telah diadakan di Dewan De' Seri Endon, Puspanitapuri, Putrajaya.

“Berfokus kepada hala tuju dan strategi dalam pentadbiran awam...”



Majlis ini merupakan pembukaan tahun baharu dengan amanat yang berfokus kepada hala tuju dan strategi dalam pentadbiran awam. Majlis ini diserikan dengan kehadiran beberapa tokoh penting dalam pentadbiran awam, termasuk YBhg. Dato' Seri Wan Suraya bt Wan Mohd Radzi, Ketua Audit Negara, YBhg. Datuk Dr. Anesee bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan), serta YBhg. Datuk Mas Rizal bin Mohd Hilmi, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan.

Dalam majlis ini, YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara telah melancarkan Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2025. Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2025, Garis Panduan Pengurusan Kesenambungan Perkhidmatan (*Business Continuity Management*, BCM) dalam Perkhidmatan Awam perlu dipatuhi oleh setiap Jabatan selaras dengan Bab 7 Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) bagi mengurangkan impak kepada Jabatan sekaligus menjamin fungsi dan perkhidmatan kritikal Jabatan dapat dipulihkan dengan segera sekiranya berlaku gangguan atau bencana.



Dengan pelancaran dokumen penting ini, diharapkan sektor awam dapat bergerak seiring dengan tuntutan zaman yang semakin mencabar, seterusnya memastikan perkhidmatan yang berkualiti dan berdaya saing dapat disampaikan kepada rakyat.

Majlis Amanat

YBHG. DATUK KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN

Pada 6 Januari 2025, telah berlangsungnya Majlis Amanat YBhg. Datuk Mas Rizal bin Mohd Hilmi, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan bersama Warga Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) di Putrajaya. Majlis ini diadakan bagi menyampaikan amanat penting mengenai hala tuju CGSO dalam memastikan keselamatan perlindungan negara terus diperkukuhkan.



Majlis ini telah dihadiri oleh Pengarah Bahagian, Pengarah Keselamatan Kerajaan Negeri Selangor, pegawai daripada Ibu Pejabat, kader-kader berhampiran, serta Pejabat CGSO Negeri yang turut serta secara dalam talian. Majlis ini dimulakan dengan nyanyian Lagu Negaraku yang dipimpin oleh pasukan koir CGSO, diikuti dengan lafaz Ikrar Rukun Negara sebagai simbol komitmen terhadap prinsip kenegaraan dan keselamatan negara.

Dalam amanat, YBhg. Datuk Ketua Pengarah menegaskan bahawa, CGSO komited untuk melaksanakan Pindaan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88), Pindaan Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan (Akta 298), Arahan Tetap Sasaran Penting serta Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017). Langkah ini bertujuan untuk memperkukuhkan keselamatan perlindungan dalam pentadbiran kerajaan, memastikan keselamatan maklumat rahsia terjamin, serta melindungi aset strategik negara daripada sebarang ancaman.



Selain itu, dalam usaha memperkasa sistem keselamatan negara, dua sistem baharu akan diperkenalkan, iaitu Sistem e-Vetting 3.0 dan Sistem e-Protective Security (EPs). Kedua-dua sistem ini dijangka akan dilancarkan pada hujung bulan April 2025 dan bakal meningkatkan kecekapan serta keberkesanan dalam pemantauan keselamatan perlindungan kerajaan. Penggunaan teknologi dalam sistem keselamatan ini akan memperkukuhkan

pengurusan keselamatan sedia ada, sekaligus menjadikan CGSO lebih proaktif dalam menghadapi cabaran keselamatan negara yang semakin kompleks.


Mengakhiri ucapannya, YBhg. Datuk Ketua Pengarah berharap agar semua warga CGSO memperkukuhkan peranan sebagai nadi utama kepada aspirasi negara dalam menjaga keselamatan dan kedaulatan negara. Beliau juga menyeru agar setiap pegawai terus berpegang kepada prinsip integriti, profesionalisme, dan akauntabiliti dalam menjalankan tugas, agar keselamatan perlindungan di jabatan kerajaan sentiasa berada pada tahap tertinggi.



BULETIN ILKEM
Edisi 1/2025

ARTIKEL CGSO

Penulisan Artikel CGSO




RAHSIAKAN RAHSIA KERAJAAN




EVOLUSI ANCAMAN DAN KESELAMATAN SIBER: DAHULU DAN KINI

ENCIK MUHAMMAD ZULFADHLI BIN KAMARUZAMAN
PENOLONG PENGARAH
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Tahukah anda tentang serangan siber dahsyat yang mengubah perspektif dunia terhadap peperangan moden? Ia bukan sekadar serangan biasa, tetapi sebuah senjata siber sophisticated dalam bentuk *malware* kompleks dan berbahaya yang dikenali sebagai *Stuxnet*. Ditemui pada tahun 2010, *Stuxnet* dicipta dengan satu misi luar biasa iaitu melumpuhkan infrastruktur kritikal dan mensabotaj operasi loji tenaga nuklear di Iran. Serangan ini membuktikan bahawa peperangan dunia moden tidak lagi terbatas kepada kekuatan fizikal dan senjata di medan tempur. Sebaliknya, ia kini boleh dimulakan hanya dengan perisian canggih dan beberapa klik di komputer, dari mana-mana sahaja di dunia.



Evolusi ini menunjukkan bahawa sejak ledakan teknologi digital, ancaman siber telah berkembang daripada serangan berskala kecil yang menyasarkan individu atau organisasi kepada ancaman yang lebih kompleks dan berbahaya, ia mampu berfungsi sebagai mekanisme kawalan yang boleh memusnahkan negara dan dunia. Dalam menghadapi ancaman ini, keselamatan siber kini menjadi isu yang amat kritikal dan terus berevolusi seiring dengan perkembangan pesat dunia digital.



Pada era awal internet sekitar 1990-an hingga awal 2000-an, perkembangan digital dan ICT menyaksikan ancaman siber yang masih berada pada tahap asas dan tidak begitu meluas. Pada ketika itu, akses serta pengetahuan mengenai dunia digital masih terhad kepada golongan tertentu. Ancaman siber pada era tersebut lebih tertumpu kepada virus dan perisian hasad (*malware*) asas seperti *Melissa*, *Code Red*, dan *Love Bug*. Kebanyakan serangan ini bertujuan mengganggu sistem dan perisian,

bukannya untuk keuntungan kewangan. Malah, majoriti serangan lebih bermotifkan hiburan, dengan penggadam amatir sekadar menguji kepakaran dan kemahiran mereka.

Pada ketika itu, tahap kesedaran terhadap keselamatan siber dalam kalangan pengguna masih rendah. Penggunaan kata laluan yang lemah dan perisian keselamatan yang jarang dikemas kini menjadi kebiasaan. Antara perisian *firewall* dan antivirus asas yang digunakan untuk melindungi komputer ketika itu ialah *Norton* dan *McAfee*. Bagi kebanyakan pengguna, perlindungan asas ini sudah dianggap memadai untuk menangkis ancaman siber, memandangkan sistem keselamatannya tidak serumit dan sekompleks hari ini. Namun, seiring dengan kemajuan teknologi, landskap keselamatan siber telah mengalami perubahan drastik. Ancaman siber kini lebih kompleks dan berbahaya, berupaya melumpuhkan sistem industri negara dan dunia tanpa dapat dikesan. Serangan seperti perisian tebusan (*ransomware*), pancingan data (*phishing*), dan *Distributed Denial-of-Service* (DDoS) berskala besar semakin berleluasa, mengeksploitasi kelemahan peranti berorientasikan *Internet of Things* (IoT).

Tamsilnya, sebuah serangan siber era moden yang menggempar dunia pada tahun 2017 dari perisian tebusan *WannaCry* telah menjangkiti lebih 230,000 buah komputer di 150 buah negara, dengan misi meminta wang tebusan dalam bentuk *bitcoin*. *Ransomware* ini mengeksploitasi kelemahan yang terdapat dalam sistem pengendalian yang digunapakai oleh majoriti pengguna iaitu *Microsoft Windows*. Malaysia turut terjejas dengan serangan ini apabila 12 insiden berjaya dikesan melibatkan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), firma berkaitan GLC dan syarikat insurans.



Arakian, kesedaran daripada serangan-serangan seperti ini telah membawa anjakan paradigma dalam pemerkasaan elemen keselamatan siber pada masa kini. Penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam mengesan ancaman siber semakin diperhebat, dengan potensi AI dalam pengesanan, respons, dan mitigasi pantas menjadi benteng pertahanan yang ampuh terhadap serangan siber. Selain itu, perlindungan yang lebih ketat, seperti pengesahan dua faktor (2FA) dan enkripsi data, kini menjadi amalan biasa dalam pelayaran serta pertukaran maklumat dalam dunia digital hari ini. Organisasi yang banyak bergantung pada aplikasi berasaskan awan (cloud) pula semakin cenderung menerapkan Model Keselamatan Zero Trust, iaitu pendekatan pengesahan akses yang berfungsi atas prinsip bahawa tiada individu, peranti, atau aplikasi boleh dipercayai sepenuhnya tanpa pengesahan yang ketat.

Intihanya, ancaman siber akan terus berevolusi dengan lebih kompleks dan berbahaya, seiring pertumbuhan teknologi digital yang semakin berkembang pantas. Justeru, usaha dalam memastikan keselamatan siber turut beradaptasi dengan evolusi ini menjadi satu cabaran utama yang perlu diberi perhatian demi masa depan. Di Malaysia misalnya, jabatan dan agensi seperti Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) dan CyberSecurity Malaysia (CSM) merupakan antara entiti penting dalam memastikan persekitaran keselamatan siber negara berada pada tahap optimum. Kendatipun begitu, peranan dalam menangani ancaman ini hakikatnya terletak pada setiap individu, organisasi dan negara. Walau zaman berubah, musim bertukar, kesedaran terhadap keselamatan siber tetap menjadi kunci terhadap perlindungan dunia digital pada era globalisasi ini.

Sumber Rujukan :

1. Kim Zetter (2014). *An Unprecedented Look at Stuxnet, the World's First Digital Weapon*. Wired.
2. Katz School of Science and Health (2024). *The Evolution of Cyber Threats: Past, Present and Future*. YU Online.
3. Josh Fruhlinger (2022). *WannaCry Explained: A Perfect Ransomware Storm*. CSO Online.
4. Harian Metro (2017). 12 Terkena 'ransomware' WannaCry. Harian Metro.

MEMBUDAYAKAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN

ENCIK AMINUDIN BIN RAMLI
PENOLONG PENGARAH
CGSO NEGERI PERAK



Keselamatan merupakan satu keperluan asas bagi setiap individu dan sering dikaitkan dengan kesejahteraan serta perlindungan dari sebarang ancaman. Ia wujud sejak kita dilahirkan sehingga akhir hayat. Apabila menyebut tentang keselamatan, kita sering membayangkan keperluan untuk berada dalam persekitaran yang selamat di mana-mana sahaja. Namun, persoalannya, adakah keselamatan sentiasa diamalkan dalam kehidupan seharian? Bagaimana pula kita boleh menjadikan keselamatan sebagai keutamaan dalam kehidupan dan pekerjaan?

Dalam artikel ini, konsep **budaya keselamatan perlindungan** dalam pengurusan organisasi akan dibincangkan sebagai elemen penting bagi memastikan kejayaan sesebuah organisasi dalam menguruskan aset yang dipertanggungjawabkan. Keutamaan terhadap keselamatan lebih penting apabila seseorang individu diberikan amanah dan tanggungjawab dalam melaksanakan tugas di organisasi yang kritikal.

Keselamatan perlindungan merangkumi langkah-langkah untuk melindungi aset bernilai serta maklumat penting organisasi daripada sebarang ancaman dalaman atau luaran (Arahan Keselamatan 2017). Manakala, budaya merujuk kepada pembangunan jasmani dan rohani manusia serta kemajuan pemikiran menerusi latihan dan pengalaman berterusan (Dewan Bahasa dan Pustaka).

Tiga elemen utama yang saling berkaitan dalam membudayakan keselamatan perlindungan ialah **organisasi, pekerja, dan peraturan**. Contohnya, sekiranya setiap individu dalam organisasi diberikan pendedahan, pendidikan, latihan, serta perkongsian maklumat secara berterusan, mereka akan lebih cenderung untuk mengamalkan keselamatan. Sokongan dan galakan daripada organisasi juga penting dalam meningkatkan moral pekerja. Peraturan keselamatan yang dibangunkan, dilaksanakan, dan dikuatkuasakan secara efektif akan memastikan amalan keselamatan menjadi kebiasaan tanpa dianggap sebagai beban.

Pendidikan keselamatan yang berterusan adalah "**anti-virus**" paling kukuh dalam memastikan kejayaan sesebuah organisasi dalam menangani ancaman dalaman (**internal security threats**). Pepatah "**mencegah lebih baik daripada merawat**" amat relevan dalam konteks ini. Ancaman dalaman boleh berpunca daripada pekerja yang mempunyai akses sah terhadap maklumat atau sistem sensitif tetapi menyalahgunakannya sama ada secara sengaja atau tidak. Mengabaikan budaya keselamatan perlindungan dalaman boleh membawa kepada ketirisan maklumat, kehilangan kepercayaan masyarakat, isu integriti, kerugian kewangan, serta kesan undang-undang yang serius.



Walaupun sesebuah organisasi dilengkapi dengan aset fizikal canggih dan teknologi moden, ia tetap berisiko sekiranya tenaga kerja di dalamnya tidak dibekalkan dengan ilmu dan kesedaran keselamatan yang mencukupi. Sikap sambil lewa atau alpa terhadap keselamatan sering menyebabkan insiden yang melibatkan kehilangan harta benda, kecurian, penipuan, atau pemalsuan. Sebagai contoh, perkembangan pesat teknologi **Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence, AI)** telah mengubah landskap industri dengan keupayaan mengautomatiskan proses, menganalisis data besar, dan meningkatkan produktiviti. Walau bagaimanapun, ia juga membawa cabaran keselamatan seperti ancaman siber, kebocoran data, dan eksploitasi teknologi AI. Oleh itu, peningkatan kesedaran keselamatan siber amat penting bagi menghadapi risiko ini.

Aset paling utama dalam organisasi bukanlah sekadar aset fizikal yang moden, tetapi **manusia itu sendiri**. Minda dan jiwa yang positif adalah faktor utama yang perlu dilindungi serta dibentuk dengan nilai keselamatan yang kukuh. Sekiranya minda dan jiwa pekerja berada dalam keadaan baik, tindakan serta amalan keselamatan juga akan lebih mantap, sekali gus melahirkan individu yang berintegriti. Pendekatan **teori 3H** boleh digunakan dalam membudayakan keselamatan perlindungan, iaitu:

Head (Minda/Pengetahuan): Berfikiran positif, profesional, dan berilmu.

Heart (Sikap/Jiwa Murni): Menjadi pekerja yang setia, berdisiplin, dan mempunyai hala tuju yang jelas.

Hand (Tindakan/Kemahiran): Melaksanakan langkah bijak secara bersepadu untuk mengekalkan keselamatan dalam organisasi.

Kesimpulannya, untuk melahirkan individu berkualiti dalam membudayakan keselamatan perlindungan, penekanan yang menyeluruh perlu diberikan. Apabila keselamatan dijadikan sebahagian daripada budaya harian, ia akan menjadi amalan yang tidak boleh diabaikan. Malah, sudah tiba masanya penerapan budaya keselamatan perlindungan dimulakan lebih awal, termasuk di peringkat sekolah, dan bukan hanya di tempat kerja.

Sumber Rujukan :

- 1.Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017).
- 2.Internal Security Threats: Examples and Tips for Avoiding Them.
- 3.The 3H & Hi5 Approach.
- 4.Dr. Noor Zuraidin Mohd Safar (2024). Meningkatkan Kepakaran, Kesedaran dan Keselamatan Siber Malaysia pada Era AI Generatif. 31 Januari 2024.

AKTIVITI DI ILKEM



Emergency Respon Team (ERT) sebagai “Responden Pertama” dalam menguruskan kecemasan kebakaran, keselamatan kebakaran dan pencegahan kebakaran.

RAHSIAKAN RAHSIA KERAJAAN

AKTIVITI YANG DIJALANKAN PADA BULAN JANUARI, FEBRUARI DAN MAC 2025

BIL	AKTIVITI JANUARI 2025	TARIKH	JUMLAH PESERTA
1.	KURSUS KAWALAN DOKUMEN RASMI DAN DOKUMEN RAHSIA RASMI BAGI PENDAFTAR RAHSIA, PEMBANTU KHAS DAN KESETIAUSAHAAN PEJABAT (SRC 1007), SIRI 1/2025	15 – 16 JANUARI 2025	39 ORANG
2.	KURSUS KESEDARAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN (AWP 1009), SIRI 1/2025	15 – 16 JANUARI 2025	25 ORANG
3.	BENGKEL <i>TRAINING OF TRAINERS</i> (ToT) KESELAMATAN FIZIKAL SIRI 1/2025	15 – 16 JANUARI 2025	29 ORANG
4.	KURSUS PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PPKJ) (ADSO 1002), SIRI 1/2025	21 – 23 JANUARI 2025	97 ORANG
5.	KURSUS PENGAWALAN KESELAMATAN FIZIKAL (SGC 1013), SIRI 1/2025	21 – 23 JANUARI 2025	24 ORANG
6.	KURSUS ASAS KOMUNIKASI BERKESAN (WALKIE TALKIE) SIRI 1/2025	22 – 23 JANUARI 2025	33 ORANG

AKTIVITI YANG DIJALANKAN PADA BULAN JANUARI, FEBRUARI DAN MAC 2025

BIL	AKTIVITI FEBRUARI 2025	TARIKH	JUMLAH PESERTA
1.	KURSUS KESEDARAN AWAM (ASAS KAWALAN KEBAKARAN) SIRI 1/2025	04 – 06 FEBRUARI 2025	33 ORANG
2.	KURSUS PENGENALAN PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN (BCM) (PKP 1005), SIRI 1/2025	05 – 06 FEBRUARI 2025	38 ORANG
3.	KURSUS KAWALAN DOKUMEN RAHSIA RASMI (DCC 1008), SIRI 1/2025	05 – 06 FEBRUARI 2025	32 ORANG
4.	BENGKEL <i>TRAINING OF TRAINERS</i> PELAKSANAAN PKP DI SEKTOR AWAM SIRI 1/2025	12 – 13 FEBRUARI 2025	15 ORANG
5.	KURSUS <i>FITNESS AND HEALTH</i> SIRI 1/2025	17 – 20 FEBRUARI 2025	32 ORANG
6.	KURSUS PROFESIONALISME PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PKJ) (DSO 1001), SIRI 1/2025	18 – 20 FEBRUARI 2025	23 ORANG
7.	KURSUS PENGURUSAN KESELAMATAN SASARAN PENTING DAN KAWASAN LARANGAN TEMPAT LARANGAN BAGI PENGHUNI DAN PEMILIK (KPM 1010), SIRI 1/2025	18 – 20 FEBRUARI 2025	18 ORANG
8.	KURSUS <i>BASIC LIFE SUPPORT – CPR & PERTOLONGAN</i> CEMAS SIRI 1/2025	19 – 20 FEBRUARI 2025	31 ORANG
9.	KURSUS ASAS PENGENDALIAN T BATON SIRI 1/2025	24 – 28 FEBRUARI 2025	30 ORANG
10.	KURSUS PENGURUSAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN (PSM 1006), SIRI 1/2025	25 – 26 FEBRUARI 2025	17 ORANG
11.	KURSUS KESEDARAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ICT) (ITS 1004) SIRI 1/2025	25 – 26 FEBRUARI 2025	18 ORANG



KURSUS KAWALAN DOKUMEN RASMI DAN DOKUMEN RAHSIA RASMI BAGI PENDAFTAR RAHSIA, PEMBANTU KHAS DAN KESETIAUSAHAAN PEJABAT SIRI 1/2025

Pada 15 hingga 16 Januari 2025, Kursus Kawalan Dokumen Rasmi dan Dokumen Rahsia Rasmi bagi Pendaftar Rahsia, Pembantu Khas dan Kesetiausahaan Pejabat Siri 1/2025 telah diadakan di ILKEM dengan penyertaan seramai 39 peserta daripada pelbagai kementerian, jabatan, dan agensi. Penceramah yang menyampaikan kursus ini ialah Encik Mohamad Esalan bin Mohamad Salleh, Puan Noraminah binti Ismail daripada Bahagian Keselamatan ICT dan Rahsia Rasmi, Ibu Pejabat CGSO dan Encik Mohammad Amin bin Razali daripada Arkib Negara Malaysia.

Mereka juga diberikan pendedahan tentang kaedah penyimpanan dokumen rasmi dan rahsia rasmi yang betul, termasuk penggunaan peti besi dan sistem kawalan akses yang ketat bagi mengelakkan sebarang kebocoran maklumat. Selain itu, peserta turut belajar mengenai prosedur penghantaran dokumen yang selamat, sama ada dalam bentuk fizikal atau digital, serta kaedah pemusnahan dokumen yang betul bagi mengelakkan maklumat jatuh ke tangan pihak yang tidak bertanggungjawab.



Kursus ini bertujuan untuk memberi pengetahuan dan kefahaman kepada peserta mengenai pengendalian dokumen rasmi dan rahsia rasmi, selain menerangkan prosedur yang betul dalam pengurusan dokumen tersebut agar lebih teratur dan selamat. Sepanjang kursus ini, peserta didedahkan kepada kepentingan klasifikasi dokumen rahsia seperti 'Terhad', 'Sulit', 'Rahsia', dan 'Rahsia Besar' bagi memastikan tahap keselamatannya dikekalkan.



Selain sesi ceramah, kursus ini turut mengadakan latihan praktikal dan perbincangan bagi membolehkan peserta memahami secara mendalam cara mengendalikan dokumen rasmi dan rahsia dalam situasi sebenar. Melalui perbincangan, peserta dapat berkongsi pengalaman serta cabaran yang mereka hadapi dalam mengurus dokumen di tempat kerja masing-masing. Ini secara tidak langsung membantu mereka mengenal pasti kaedah terbaik yang boleh digunakan untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan dokumen di organisasi mereka.



BENGKEL *TRAINING OF TRAINERS* KESELAMATAN FIZIKAL SIRI 1/2025



Pada 15 hingga 16 Januari 2025, Bengkel *Training of Trainers* Keselamatan Fizikal Siri 1/2025 telah diadakan di ILKEM dengan penyertaan seramai 29 peserta Skim KP CGSO. Penceramah bagi kursus ini ialah Encik Mohd Firdaus bin Hassim, Encik Muhamad Hanif bin Othman, dan Encik Syahrul Azlan bin Baharuddin daripada Bahagian Keselamatan Fizikal dan Penilaian Teknikal, Ibu Pejabat CGSO. Bengkel ini bertujuan untuk memberi kefahaman menyeluruh mengenai dasar, peraturan, dan tadbir urus keselamatan perlindungan, selain membolehkan pegawai dan kakitangan memahami serta mengendalikan sistem keselamatan fizikal dengan lebih berkesan.

Objektif utama bengkel ini adalah untuk memberi pengetahuan dan kemahiran kepada peserta berkaitan spesifikasi teknikal serta ciri-ciri keselamatan dalam sistem keselamatan fizikal. Antara aspek yang ditekankan ialah pengoperasian sistem keselamatan perlindungan dalam kementerian, jabatan, agensi, dan badan berkanun. Kefahaman yang diberikan ini amat penting bagi memastikan pegawai yang bertanggungjawab dapat menjalankan pemeriksaan keselamatan fizikal dengan lebih cekap. Pemeriksaan ini merangkumi kelengkapan, peralatan, serta sistem keselamatan bersepadu yang digunakan di tempat kerja.



Selain sesi teori, peserta turut diberikan latihan secara '*hands-on*' bagi meningkatkan kemahiran mereka dalam pemeriksaan keselamatan fizikal. Antara teknologi yang didedahkan kepada peserta termasuk sistem televisyen litar tertutup (CCTV), *Perimeter Intruder Detection System* (PIDS), dan *Access Card System*. Latihan praktikal ini membantu peserta memahami cara operasi serta penyelenggaraan sistem keselamatan tersebut dalam memastikan kawalan keselamatan di premis masing-masing berada pada tahap optimum.



KURSUS ASAS KOMUNIKASI BERKESAN (*WALKIE TALKIE*) SIRI 1/2025



Pada 22 dan 23 Januari 2025, Kursus Asas Komunikasi Berkesan (*Walkie Talkie*) Siri 1/2025 telah diadakan di ILKEM dengan kehadiran seramai 33 orang peserta dari kalangan warga Skim KP CGSO. Penceramah bagi kursus ini ialah Encik Zanirul Akhmal bin Zanirun daripada Malaysia *Amateur Radio Transmitters' Society* (MARTS). Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan ilmu pengetahuan baharu kepada Pegawai Keselamatan Kerajaan berkenaan penggunaan alat komunikasi *walkie talkie* berdasarkan keperluan dan kepakaran masing-masing dalam tugas hakiki.

Objektif utama kursus ini adalah untuk memastikan para peserta mempunyai kemahiran yang tepat dalam mengendalikan *walkie talkie*, di samping memahami protokol komunikasi yang betul. Kursus ini juga menekankan kepentingan pemilihan peserta berdasarkan tahap kompetensi dan integriti pegawai. Ini bagi memastikan kebolegunaan ilmu yang diperoleh diaplikasikan dengan berkesan di tempat, keadaan, dan masa yang sesuai.



Pengisian kursus merangkumi sesi teori dan amali. Dalam sesi teori, peserta didedahkan kepada jenis-jenis *walkie talkie*, fungsi-fungsi butang kawalan, serta panduan penggunaan *walkie talkie* yang betul mengikut piawaian keselamatan. Manakala dalam sesi amali, peserta berpeluang menjalankan simulasi komunikasi dalam situasi sebenar, seperti semasa rondaan keselamatan, koordinasi tugas di lapangan, serta pengurusan kecemasan.



Melalui kursus ini, peserta dapat meningkatkan kemahiran komunikasi mereka, sekaligus memperkukuhkan keberkesanan sistem keselamatan di jabatan masing-masing. Diharapkan ilmu yang diperoleh dapat digunakan dalam tugas harian, khususnya dalam memastikan komunikasi antara pegawai keselamatan berjalan lancar dan teratur. Kursus ini juga memberi peluang kepada peserta untuk bertukar pengalaman serta membina kerjasama yang lebih baik sesama pegawai.



KURSUS KESEDARAN AWAM (ASAS KAWALAN KEBAKARAN) SIRI 1/2025



Pada 4 hingga 6 Februari 2025, Kursus Kesedaran Awam (Asas Kawalan Kebakaran) Siri 1/2025 telah diadakan di ILKEM. Seramai 33 orang peserta daripada kalangan warga Skim KP CGSO telah hadir bagi mengikuti kursus ini. Kursus ini telah disampaikan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat di daerah Nilai dengan matlamat untuk memberikan pemahaman serta pengetahuan kepada peserta mengenai peranan *Emergency Response Team* (ERT) sebagai "Responden Pertama" dalam menguruskan kecemasan kebakaran. Kursus ini menekankan aspek keselamatan kebakaran dan langkah-langkah pencegahan bagi memastikan risiko kebakaran dapat dikurangkan di tempat kerja.



Sepanjang kursus ini, peserta diberikan pendedahan tentang kepentingan memahami prosedur kecemasan kebakaran, termasuk cara mengendalikan kebakaran kecil sebelum bantuan pihak berkuasa tiba. Mereka juga diajar teknik asas penggunaan alat pemadam api, kaedah pemindahan kecemasan yang selamat, serta peranan setiap anggota ERT dalam situasi kecemasan.



Selain sesi teori, kursus ini turut merangkumi latihan praktikal bagi memastikan peserta mampu bertindak pantas dan tepat dalam menghadapi kecemasan kebakaran. Sesi ini merangkumi simulasi pemadaman api, kaedah menyelamatkan mangsa dalam bangunan yang berasap, serta pengenalpastian laluan keluar kecemasan yang selamat.

KURSUS PENGENALAN PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN (BCM) SIRI 1/2025



Pada 5 hingga 6 Februari 2025, Kursus Pengenalan Pengurusan Kesenambungan Perkhidmatan (BCM) Siri 1/2025 telah diadakan di ILKEM dengan penyertaan seramai 38 peserta daripada pelbagai kementerian, jabatan, dan agensi. Kursus ini telah disampaikan oleh Puan Maizatulakmal Binti Mamat daripada Bahagian Keselamatan ICT dan Rahsia Rasmi, Ibu Pejabat CGSO, Encik Kannan A/L Nagappan daripada Bahagian Inspektorat, Pematuhan dan Pengiktirafan, Ibu Pejabat CGSO. Kursus ini bertujuan untuk memberikan pengetahuan dan kefahaman kepada peserta mengenai kepentingan Pengurusan Kesenambungan Perkhidmatan *Business Continuity Management* (BCM) dalam memastikan operasi sesebuah organisasi dapat diteruskan dengan lancar walaupun berhadapan dengan situasi krisis atau gangguan.

Sepanjang kursus ini, peserta didedahkan kepada konsep asas BCM, termasuk langkah-langkah dalam membangunkan strategi kesinambungan perkhidmatan di pejabat. Kursus ini turut menekankan kepentingan mewujudkan Pelan Kesenambungan Perkhidmatan (*Business Continuity Plan* - BCP) yang berkesan bagi memastikan setiap organisasi bersedia menghadapi gangguan operasi seperti bencana alam, kegagalan sistem teknologi maklumat, ancaman keselamatan, atau kecemasan lain yang boleh menjejaskan perkhidmatan.

Selain itu, peserta juga diberikan pendedahan mengenai pemantauan dan pematuhan BCM dalam sektor perkhidmatan awam, termasuk *standard* yang perlu dipatuhi bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan kerajaan kepada rakyat. Melalui sesi latihan dan simulasi, peserta berpeluang untuk memahami dengan lebih mendalam bagaimana strategi pengurusan kesinambungan dapat diimplementasikan dengan berkesan di organisasi masing-masing.

KURSUS PENGURUSAN KESELAMATAN SASARAN PENTING DAN KAWASAN LARANGAN TEMPAT LARANGAN SIRI 1/2025



Pada 18 hingga 20 Februari 2025, Kursus Pengurusan Keselamatan Sasaran Penting dan Kawasan Larangan Tempat Larangan bagi Penghuni dan Pemilik (Siri 1/2025 telah diadakan di ILKEM dengan penyertaan seramai 18 peserta daripada pelbagai kementerian, jabatan, dan agensi. Kursus ini telah disampaikan oleh Encik Mohd Radzi Bin Jamalluddin, Encik Mohd Ridzuan bin Sith daripada Bahagian Sasaran Penting, Kawasan Larangan dan Tempat Larangan, Ibu Pejabat CGSO dan Encik Ady Hazman bin Abdullah daripada Agensi Keselamatan Siber Negara (*National Cyber Security Agency*) (NACSA).

Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman peserta mengenai kepentingan sistem pengurusan keselamatan Sasaran Penting Negara serta memberi kesedaran kepada pihak pengurusan pemilik dan penghuni Sasaran Penting Negara tentang langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil bagi memastikan perlindungan aset negara.





Sepanjang kursus ini, peserta didedahkan kepada aspek utama dalam pengurusan keselamatan Sasaran Penting, termasuk pematuhan kepada prosedur keselamatan, kawalan akses kawasan larangan, serta tindakan yang perlu diambil dalam situasi kecemasan. Mereka juga diberikan pendedahan mengenai keperluan pengawasan keselamatan yang berkesan bagi mengurangkan ancaman terhadap Sasaran Penting Negara.



Selain sesi teori, kursus ini turut merangkumi latihan praktikal bagi memastikan peserta dapat mengaplikasikan ilmu yang dipelajari dalam situasi sebenar. Sesi perbincangan dan simulasi turut diadakan bagi membolehkan peserta berkongsi cabaran yang dihadapi dalam menguruskan keselamatan Sasaran Penting di tempat masing-masing serta mencari penyelesaian yang lebih efektif.

KURSUS ASAS PENGENDALIAN T- BATON



Pada 24 hingga 28 Februari 2025, Kursus Asas Pengendalian T Baton Siri 1/2025 telah diadakan di ILKEM dengan penyertaan seramai 30 peserta daripada pelbagai kementerian, jabatan, dan agensi. Kursus ini telah disampaikan oleh tenaga pengajar Encik Zanirul Akhmal bin Zanirun daripada Malaysia Amateur Radio Transmitters Society (MARTS). Kursus ini bertujuan untuk memberikan pendedahan dan meningkatkan kemahiran peserta dalam beberapa aspek penting seperti asas pertolongan cemas, dan pengendalian T Baton.

Selain itu, program ini juga bertujuan untuk mengukuhkan kerjasama antara pegawai dan kakitangan kader serta pegawai CGSO dalam berkongsi maklumat dan pengalaman melalui sesi bengkel yang telah ditetapkan. Ia juga memastikan penyampaian maklumat dan arahan dari Ibu Pejabat CGSO kepada pegawai kader dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Di samping itu, kursus ini membantu meningkatkan kecekapan serta mempelbagaikan kemahiran pegawai CGSO supaya lebih bersedia menghadapi situasi kecemasan. Akhir sekali, ia juga berperanan dalam memperkukuh imej ILKEM dan CGSO agar setanding dengan institusi latihan awam lain di peringkat nasional dan antarabangsa.



BERITA BERKIDMATAN

BULETIN ILKEM
Edisi 1/2025



RAHSIAKAN RAHSIA KERAJAAN

PEGAWAI BAHARU



**CIK SYAMIMI BINTI SHAIFUL NOR
ASHIKIN**

PENOLONG PEGAWAI TADBIR (MYSTEP)

**INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN
MALAYSIA (ILKEM)**

TARIKH	BERTUGAS
10/02/2025	PENOLONG PEGAWAI TADBIR (MYSTEP) PEJABAT PENDAFTAR, INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN (ILKEM)
2024	PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT (MYSTEP) JABATAN KIMIA MALAYSIA

BULETIN ILKEM
Edisi 1/2025

NUKILAN



PERJALANAN SEORANG PEMUDA

RAHSIAKAN RAHSIA KERAJAAN



PERJALANAN SEORANG PEMUDA

Oleh ENCIK AMIN BIN HAMID

Penolong Pegawai Keselamatan KP29

Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN)

Tampin, Melaka

Kalau rusa itu licik
buka kitab ilmu gelecek
saat terasa nikmat rehat
perlu dahulu lalui penat
apa guna jika menang
tapi tiada rasa tenang
bila sampai waktu luput
maka jua akan tercabut

Bebas
tanah subur senyum bumi
dahulu berteriak hingar benci
kini harum semerbak wangi
subur membangun ladang ekonomi

Teladan dari dahulu
sedar di hilir berakit ke hulu
jangan pohon tua diukir
kelak tumbang kita menjelir
biar cinta deras mengalir
jangan maruah hanyut ke hilir

Jangan dilupa akan sejarah
nanti kembali mengalir darah
keudara hingar merdu parah
lalu
diuji talu bernama pasrah

Biar musuh bongkak berkata
kita perkemas bersiap siaga
menangkis anasir segala cuba
diam-diam berisi kita



BULETIN ILKEM

Edisi 1/2025

Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia
Persiaran Timur 3, Bandar Baru Enstek, 71760 Bandar Baru Enstek,
Negeri Sembilan